

Latar Belakang

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sebagai universiti yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi mempunyai banyak geran penyelidikan dalaman atau luar yang mempunyai peruntukan bagi bayaran khidmat teknikal seperti ujikaji makmal. Kebanyakan khidmat teknikal ini dijalankan di pusat-pusat kecemerlangan atau makmal berpusat dalam UMPSA. Bagi memudahkan urusan bayaran khidmat teknikal ini, satu garis panduan perkhidmatan pra bayar diwujudkan bagi memudahkan pengurusan tersebut di setiap pusat kecemerlangan dan Makmal Berpusat.

Terma Rujukan

1. Pemilik geran (aktif) penyelidikan meletakkan satu-satu nilai RM dengan tujuan untuk menjalankan perkhidmatan teknikal sahaja di mana-mana pusat kecemerlangan termasuk Makmal Berpusat.
2. Staf UMPSA dengan dana yang berdaftar akan dikenakan harga pelanggan dalaman. Pembayaran melalui geran akan diuruskan oleh staf Bendahari selepas menerima dokumen daripada Unit Teknikal pusat kecemerlangan/Makmal Berpusat.
3. Penggunaan dari VOT 29000.
4. Harga bagi setiap analisis tertakluk kepada harga semasa.
5. Sebarang perubahan atau pembatalan Perkhidmatan Pra Bayar tidak akan dipertimbangkan setelah bayaran diproses oleh pihak Bendahari.
6. Sekiranya analisis khidmat teknikal yang ditawarkan tidak dapat dijalankan di pusat kecemerlangan atau Makmal Berpusat tersebut, analisis akan dihantar kepada pihak ketiga, dengan kadar pelanggan luaran (tertakluk kepada harga yang ditawarkan oleh pihak ketiga dan persetujuan penyelidik.)
7. Tempoh untuk menjalankan perkhidmatan teknikal melalui Perkhidmatan Pra Bayar adalah selama maksimum tiga (3) tahun bermula daripada tarikh dokumen didaftarkan.
8. Penyambungan Perkhidmatan Pra Bayar hanya boleh dibuat untuk tempoh satu (1) tahun sahaja. Baki Perkhidmatan Pra Bayar **TIDAK BOLEH** dibawa ke hadapan selepas tempoh maksimum empat (4) tahun. Permohonan penyambungan Perkhidmatan Pra Bayar perlu dibuat kepada Pengarah pusat kecemerlangan atau Makmal Berpusat sekurang-kurang tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat.
9. Setiap permohonan yang berjaya akan diberikan satu Fail Rekod yang akan dipantau secara bersama oleh Pemilik Geran dan Unit Teknikal pusat kecemerlangan/Makmal Berpusat.


10. Jadual Perkhidmatan Pra Bayar dengan Rebat

Jadual Pra Bayar (RM)	Rebat
1,000 hingga 2,999	2.5% daripada jumlah pra bayar
3,000 hingga 4,999	5% daripada jumlah pra bayar
5,000 dan ke atas	10% daripada jumlah pra bayar

11. Garis Panduan ini terpakai di pusat kecemerlangan dan Makmal Berpusat sahaja.

Carta alir

Urusan Permohonan Perkhidmatan Pra Bayar Bagi Khidmat Teknikal



Borang

Borang Perkhidmatan Pra Bayar Bagi Khidmat Teknikal ini perlu dihantar kepada pusat kecemerlangan/Makmal Berpusat dalam tempoh yang 14 hari sebelum penggunaan.

NO.LEJER :

 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH	BORANG PERMOHONAN KHIDMAT TEKNIKAL – PRA BAYAR
---	---

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama	
Fakulti	
Nombor Geran	
Emel	
Nombor telefon	
Jumlah Pra Bayar	
Nama Pusat	

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya bersetuju dengan harga khidmat teknikal yang disediakan dan ingin menjalankan khidmat teknikal ini. Saya juga bersetuju bahawa tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perkhidmatan yang saya berikan kepada pihak ketiga berdasarkan kepada keputusan perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada
Berikut adalah perincian khidmat teknikal tersebut :

JENIS KHIDMAT TEKNIKAL	KUANTITI	HARGA PER UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
JUMLAH KESELURUHAN			

PEMOHON	PENGARAH PUSAT KECEMERLANGAN/ MAKMAL BERPUSAT	STAF TEKNIKAL/ MAKMAL
(Tandatangan dan Cop)	(Tandatangan dan Cop)	(Tandatangan dan Cop)
Tarikh :	Tarikh :	Tarikh :